



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 28/1976**

Penyelesaian Sempadan- sempadan Selepas Selesai Ukur Muktamad

Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pemungut-pemungut mengenai perkara penyelesaian sempadan setelah selesai kerja ukur muktamad.

2. Amalan sekarang ini penyelesaian sempadan- sempadan selepas kerja ukur muktamad adalah menjadi satu tugas Pegawai Petempatan. Kehendak supaya diselesaikan sempadan tanah dengan rasminya adalah menimbulkan kesusahan kepada tuan tanah yang mungkin telah melawati tanah itu sebanyak tiga kali dengan Pegawai-pegawai Petempatan dan Ukur. Beliau dipercayai telah diminta berada di tanah yang berkenaan: pertama, apabila Pegawai Petempatan memeriksa tanah untuk membuat laporan mengenai permohonannya; kedua, apabila beliau ditempatkan setelah pendaftaran dan pengeluaran hakmilik sementara; dan ketiga, apabila juruukur memulakan kerja menyukat tanah itu. Di beberapa buah pejabat tanah kekurangan kakitangan untuk mengendalikan kerja penyelesaian telah mengakibatkan kelewatan dan tunggakan sebagaimana yang terbukti dengan adanya jumlah yang besar surihan-surihan untuk diselesaikan dan dikembalikan kepada Jabatan Ukur. Adalah difikirkan perlu bahawa amalan penyelesaian sempadan secara rasmi yang memerlukan kehadiran tuan tanah bolehlah diberhentikan dan sebagai gantinya tuan tanah akan diberitahu mengenai tanggungjawabnya di bawah seksyen 114 Kanun Tanah Negara oleh Juruukur pada masa permulaan ukur muktamad. Untuk tujuan ini, Juruukur bolehlah menggunakan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya di bawah seksyen 400 atau 401 Kanun Tanah Negara untuk memastikan kehadiran tuan tanah itu.

3. Perlaksanaan tugas penyelesaian sempadan- sempadan oleh Juruukur hanyalah boleh dilakukan apabila sempadan- sempadan yang berkenaan didapati selaras (tidak bertelingkah) dengan pendudukan, iaitu, tuan tanah tidak menduduki kawasan lain (tanah yang terletak di tempat lain) ataupun kawasan yang lebih (kawasan lebih dari yang diluluskan). Dalam kes di mana tuan tanah telah dengan jelasnya menduduki satu kawasan lain atau menggunakan satu kawasan lebih dari yang diluluskan, Juruukur mestilah bertindak di bawah seksyen 83(3) Kanun Tanah Negara untuk memperolehi keputusan Pihak Berkuasa Negeri. Bagi kes yang berkenaan, Juruukur hendaklah jangan meneruskan kerja mengukur tanah dan kerja mengenai penyelesaian sempadan- sempadan hanya boleh dibuat selepas keputusan Pihak Berkuasa Negeri diberi. Bagi maksud-maksud seksyen 83 (3) Kanun Tanah Negara, perkataan-perkataan 'substantially different

from that provisionally approved for alienation' bermakna tanah yang diduduki itu adalah terletak di kawasan lain ataupun tuan tanah telah menduduki satu kawasan melebihi luasnya daripada yang diluluskan, misalnya kelebihan setengah ekar atau lebih jika kawasan yang diluluskan itu tidak lebih dari sepuluh ekar.

4. Bagi di mana penyelesaian sempadan-sempadan dibuat oleh Pegawai Ukur, surihan penyelesaian tidak perlu dihantar kepada Pemungut tetapi satu kenyataan menerangkan bahawa sempadan-sempadan telah diselesaikan hendaklah dihantar kepada Pemungut bersama-sama dengan surihan alih dan permintaan ukur.

5. Adalah dipercayai bahawa beberapa surihan penyelesaian masih lagi tersimpan di pejabat-pejabat tanah untuk dilaksanakan kerja-kerja penyelesaian. Pemugut-pemungut adalah diminta supaya membincangkan dengan Ketua Juruukur bagi mendapatkan satu cara yang lebih mudah untuk kerja penyelesaian memandangkan kepada sistem yang ringkas mengenai kerja penyelesaian sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 3 di atas.

6. Pemungut-pemungut adalah dinasihatkan supaya mengambil perhatian bahawa mulai sekarang Pegawai-pegawai Ukur akan membantu dalam usaha menyelesaikan sempadan-sempadan dan mereka akan menjalankannya pada masa kerja mengukur. Kerja tersebut hanyalah boleh dibuat jika pendudukan tanah adalah selaras dengan pelan yang diluluskan dan kawasan yang diduduki adalah tidak banyak melebihi keluasan kawasan yang diluluskan.

Dato' Abdul Manaf Bin Mohd. Nor
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 252/6-32

Kuala Lumpur